

## Lelaki mahu letupkan Kompleks ICQS

1 Januari 2018

# Lelaki mahu **letup Kompleks ICQS**

Ditahan anggota Aksem ketika melalui sekatan jalan raya

ROHANA ISMAIL

**TUMPAT** - Seorang lelaki ditahan malam kelmarin kerana mendakwa mahu meletupkan Kompleks

Kastam, Kuarantin dan Imigresen (ICQS) Rantau Panjang dan pos Sekatan Jalan Raya (SJR) Chabang Empat, Salim.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, lelaki tempatan berusia 30 tahun itu ditahan anggota Agensi Penguatkuasaan Sempadan (Aksem), kira-kira jam 11.30 malam ketika melalui sekatan jalan raya.

"Suspek lelaki bujang beralamat di Klang, Selangor, menunggang motosikal Yamaha Lagenda bersendirian melalui kawasan berkenaan.

"Suspek agak agresif ketika ditahan anggota Aksem dan apabila soal siasat dilakukan, dia mendakwa mahu meletupkan pos ini dan kompleks ICQS Rantau Panjang," katanya.

Menurutnya, pemerik-



Hasanuddin menyaksikan serah terima tugas Mohamed Zulmazi (kiri) dan Ab Rashid sebagai Ketua Polis Daerah Tumpat yang baharu.

saan lanjut ke atas lelaki yang membawa beg sandang itu, menemui lima plastik mengandungi bijian dan satu plastik mengandungi serbuk

berwarna kuning.

"Turut ditemui sebilah gunting, pisau, empat bateri AA, satu set pemutar skru, satu lilitan wayar tembaga,

satu kabel USB telefon bimbit, pengecas dan pasport milik suspek di dalam beg sandang tersebut," katanya.

Menurutnya, suspek juga positif dadah dan mempunyai rekod jenayah lampau berkaitan senjata berbahaya serta penagihan dadah.

Beliau berkata, kes diasas di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan dan Seksyen 7(1) Akta Bahan Kakistan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958.

Terdahulu, Hasanuddin menyaksikan serah terima tugas Ketua Polis Daerah Tumpat antarapemangkuannya, Superintendan Mohamed Zulmazi Daud kepada Superintendan Ab Rashid Mat Daud.

Sebelum ini Ab Rashid bertugas sebagai Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Lipis, Pahang.



Hasanuddin menunjukkan barang rampasan.